



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

MALAYSIA SEBAGAI TUAN RUMAH KONSULTASI TENAGA ASEAN BAGI MEMPERKUKUH KERJASAMA SERANTAU

Kuching, 18 Jun 2025 – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) semalam telah berjaya menganjurkan enam mesyuarat tenaga peringkat tertinggi di Hotel Sheraton, Kuching, menandakan satu langkah penting ke hadapan dalam memperkukuh kerjasama tenaga serantau di bawah kepimpinan Malaysia selaku Pengerusi Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Tenaga ASEAN (SOME) ke-43.

Mesyuarat-mesyuarat ini telah menghimpunkan wakil daripada Negara-Negara Anggota ASEAN, Rakan Dialog dan Organisasi Antarabangsa termasuk Australia, China, Jepun, Rusia, Amerika Syarikat, Asian Development Bank (ADB), International Energy Agency (IEA) dan International Renewable Energy Agency (IRENA) bagi membincangkan keutamaan tenaga serantau yang selari dengan *ASEAN Plan of Action for Energy Cooperation* (APAEC) Fasa II (2021–2025).

Hasil utama daripada konsultasi ini merangkumi:

1. Mesyuarat East Asia Summit Energy Cooperation Task Force ke-30

Mesyuarat mengambil maklum kemajuan pelaksanaan APAEC Fasa II (2021–2025). Perbincangan memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh kecekapan tenaga, pembangunan *biofuel* mampan dan peluasan tenaga boleh baharu, dengan sumbangan bernilai daripada rakan dialog termasuk Australia, China, Jepun, Korea Selatan, Rusia dan Amerika Syarikat.

2. Konsultasi SOME-METI ke-26

Malaysia dan Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun (METI) meneliti projek kerjasama sedia ada yang sedang dilaksanakan di bawah ASEAN-Japan Energy Efficiency Partnership (AJEEP) dan pelbagai inisiatif rendah karbon yang lain. Konsultasi ini turut menyediakan landasan bagi pembangunan kerangka APAEC bagi tempoh 2026–2030.

3. Dialog Tenaga ASEAN-ADB ke-3

Kemajuan ketara dicapai dalam pelaksanaan inisiatif ASEAN Power Grid, dengan ADB membentangkan pelan kerja bagi tahun 2025–2026 yang memberi tumpuan kepada peralihan tenaga dan pembangunan infrastruktur mampan melalui rangka kerja pembiayaan inovatif.

4. Konsultasi SOME-Rusia ke-16 Mengenai Tenaga

Mesyuarat ini menyaksikan pelancaran projek ASEAN-Russia Capacity Building on Energy Statistics (ARCS), di samping meneroka potensi kerjasama dalam sektor minyak, gas dan tenaga nuklear. Mesyuarat ini turut memulakan perbincangan awal untuk merangka pelan kerjasama tenaga baharu bagi tempoh 2026–2028.

5. Konsultasi SOME-Amerika Syarikat ke-16 Mengenai Tenaga

Konsultasi memberi tumpuan kepada penyahkarbonan dan tenaga boleh baharu, dengan para delegasi mengambil maklum kemajuan yang telah dicapai di bawah ASEAN-U.S. Energy Cooperation Work Plan semasa, khususnya melalui Smart Power Programme dan kajian kesalinghubungan grid kuasa, serta membincangkan pembangunan infrastruktur keselamatan LNG di peringkat serantau.

6. Dialog Bersama IEA & IRENA

Sesi dialog ini memberikan perspektif global yang bernilai, dengan IEA membentangkan Southeast Asia Energy Outlook 2025, manakala IRENA berkongsi perkembangan terkini dalam tren tenaga boleh baharu, di mana kedua-dua IEA dan IRENA mengesahkan komitmen mereka dalam menyokong peralihan tenaga ASEAN.

Kepimpinan Malaysia sebagai Pengerusi SOME ke-43 menunjukkan komitmen tinggi negara dalam memastikan keselamatan tenaga serantau, menggalakkan inovasi teknologi dan memajukan penyelesaian tenaga mampan. Mesyuarat ini bertujuan untuk memperkuat perkongsian strategik, penjajaran dasar, serta membangun strategi yang praktikal demi merealisasikan aspirasi bersama ASEAN ke arah masa depan tenaga yang lebih bersih dan berdaya tahan.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
18 Jun 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

